

DIARI JKSB

Edisi 3 /Julai — Sept. 2017



**MENGORAK KE DEPAN BAGI
SUKU TAHUN KETIGA 2017**

Kata-Kata Aluan

Ketua Jabatan

Sidang Editor

Penaung

P.M. Dr. Abd Halid Abdullah

Penasihat

Dr. Ahmad Zurisman Mohd Ali

Ketua Editor

Dr. Faisal Sheikh Khalid

Editor

Dr. Shahrul Niza Mokhtar

Dr. Mohd Hanif Ismail

Penyumbang Artikel

Dr. Ahmad Zurisman Mohd Ali

Dr. Faisal Sheikh Khalid

Dr. Shahiron Shahidan

Dr. Salehuddin Shah Ayop

Dr. Nor Hayati Abd Ghafar

Dr. Sharifah Salwa

Pn. Tuan Norhayati Tuan Chik



Assalamualaikum w.r.t. dan salam sejahtera. Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi, Diari JKSB dapat terus diterbitkan dengan edisi yang ketiga pada tahun 2017 ini. Syabas dan tahniah kepada pasukan editor Diari JKSB yang diterajui oleh Dr. Faisal Sheikh Khalid. Syukur dan syabas juga kepada semua warga JKSB yang telah berjaya dalam pelbagai aspek sehingga saat ini. Jelas, warga JKSB sebenarnya mampu menjulang amanat yang telah diamanahkan dengan jayanya. Keyakinan ini bertambah dengan melihat kejayaan, komitmen dan semangat yang tinggi warga JKSB. Berkat usaha dan doa, saya yakin, warga JKSB akan terus meningkatkan prestasi dan kejayaan untuk suku ketiga tahun 2017 dengan mencipta lebih banyak kejayaan dan kegemilangan bersama.

Saya bagi pihak jabatan ingin juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. A. S. M. Abdul Awal yang telah menamatkan perkhidmatan di FKAAS. Terima kasih kerana sudi menjadi sebahagian daripada keluarga besar JKSB. Jasa dan pengorbanan beliau hanya Allah S.W.T sahaja yang mampu membalasnya. Kita juga telah menerima kedatangan semula Dr. Sharifah Salwa Mohd Zuki yang telah berjaya menyelesaikan pengajian di peringkat PhD. Tahniah Dr. Salwa dan terus maju jaya.

Saya juga ingin mengucapkan selamat maju jaya kepada semua staf JKSB untuk mengharungi sesi pengajaran dan pembelajaran semester 1 2017/2018. Semoga kualiti pengajaran dan pembelajaran pada semester ini akan terus dipertingkatkan dan digandakan. Syabas juga kepada pasukan pelaksana International Concrete Pontoon (ICPC) 2017 yang telah berjaya dilaksanakan dengan jayanya. Seterusnya, marilah kita untuk terus berganding bahu dan komited dalam melaksanakan tugas kita sepanjang semester ini. Semoga semua perancangan dan pelaksanaan kita akan terus dipermudahkan. Insyaallah.

Ketua Editor



Alhamdulillah, Diari JKSB edisi ketiga untuk tahun 2017 telah berjaya disempurnakan. Penampilan Diari kali menggambarkan gerak kerja dan usaha untuk memasuki suku ketiga tahun 2017. Pelbagai perkongsian oleh warga JKSB dapat memberi maanfaat kepada keseluruhan jabatan. Terima kasih dan syabas atas segala perkongsian yang bermanfaat untuk seluruh warga JKSB. Tahniah.

Sekian, Wasalam



Photo by Faisal Sheikh

**If You Are Working
On Something
That You Really
Care About, You
Don't Have To Be
Pushed. The
Vision Pulls You.**

Steve Jobs

ICPC 2017 : Pertandingan Konkrit Pontoon Peringkat Antarabangsa Kali Pertama

Oleh: Dr. Sharifah Salwa

Pertandingan Konkrit Pontoon Peringkat Antarabangsa Kali Pertama 2017 (ICPC2017) telah berlangsung pada 17-18 September 2017 bertempat di DTMI, UTHM. Seramai 26 kumpulan dari seluruh IPT di Malaysia dan 2 kumpulan dari Indonesia menyertai pertandingan ini. UTHM sebagai tuan rumah juga turut menyertai pertandingan ini. Pertandingan ini memberi impak yang positif kepada mahasiswa khususnya dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran para pelajar dalam aspek rekabentuk, aplikasi dan teknologi konkrit pontoon. Disamping itu pertandingan ini dapat memupuk kreativiti dan inovasi dalam merekabentuk dan membina struktur konkrit pontoon yang lestari. Pertandingan tersebut dirasmikan oleh Yang Berhagia Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Prof Dr Ruzairi Bin Abd Rahim. Berikut ada senarai pemenang:

PONTOON TERBAIK

1. Universiti Malaya (UM)
2. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
3. Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR)

KATEGORI VIDEO TERBAIK

1. Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR)
2. Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR)
3. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

Best Design of Concrete Pontoon & Practicality

Universiti Malaya (UM)

Best Workmanship

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

Best Presentation

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

Innovation Award TNCPI CUP

Universiti Malaya (UM)



Penjurian di setiap booth sedang dijalankan



Pengujian pontoon sedang berlangsung



Sebahagian Urusetia Pelaksana bagi ICPC 2017

IDEERS: PELAJAR FKAAS DI BUMI TAIWAN

Oleh: Dr. Nor Hayati Abd Ghafar

Pelajar FKAAS seramai 4 orang pelajar telah menyertai Introducing and Demonstrating Earthquake Engineering Research in Schools (IDEERS) 2017 di Taipei, Taiwan pada 20 sehingga 23 September 2017. IDEERS 2017 dianjurkan oleh NARL's National Centre for Research on Earthquake Engineering (NCREE), Taiwan. IDEERS merupakan entiti yang bertanggungjawab mempromosikan dan menganjurkan pertandingan kejujuruhan gempa bumi dan perlindungan sismik. Sepanjang pertandingan ini berlangsung telah menguji kemampuan pelajar merekabentuk model bangunan skala kecil yang mampu bertahan daripada kesan kuat gempa bumi. Seterusnya, pelajar mampu mengadaptasikan secara simulasi bagaimana kesan gempa bumi kepada bangunan.

Seramai 42 pasukan telah menyertai pertandingan ini terdiri daripada Malaysia, Indonesia, Singapura, Hong Kong, Canada, Korea, Filipina, China, Taiwan and Australia. Pasukan FKAAS tidak berjaya dalam kelompok utama semasa keputusan diumumkan, namun pasukan telah berjaya menimba pengalaman untuk memperbaiki rekabentuk yang telah dihasilkan.



Pasukan FKAAS di Taiwan



Struktur dibina semasa pertandingan sebelum diuji



921 Earthquake Museum of Taiwan



Struktur diuji di atas Shaker Table

AKTIVITI RIADAH: TAWAN GUNUNG BANANG

Oleh: Dr. Salehuddin Shah Ayop

Pada tanggal 22 Julai 2017, satu aktiviti riadah mendakian Gunung Banang telah dijalankan. Gunung Banang terletak di Batu Pahat dengan ketinggian 427 meter. Seramai 12 orang peserta yang terdiri daripada warga JKSB dan juga ahli keluarga mereka telah menyertai aktiviti.

Aktivi pendakian dimulakan pada jam 7.45 pagi, di mana peserta berkumpul dikawasan parkir yang berada di kaki gunung ini. Sebagai permulaan, jarak perjalanan dilakukan hingga ke jarak 1200 meter dari kaki gunung. Disebabkan keadaan pendakian yang curam, masa yang diambil bagi perjalanan ini adalah lebih kurang 30 minit.

Secara keseluruhannya, aktiviti pendakian Gunung Banang ini dapat menguji tahap kesabaran dan ketabahan para peserta, selain meningkatkan tahap kesihatan. Ia juga dapat mengurangkan sedikit rasa tekanan yang dihadapi ditempat bekerja dengan melihat keadaan persekitaran yang nyaman dan pemandangan hutan yang menarik semasa proses pendakian ini. Aktiviti ini akan diteruskan lagi pada masa-masa akan datang dengan matlamat utama adalah untuk sampai ke puncak gunung.



Puncak setinggi 427M



Sebahagian laluan yang dilalui oleh pendaki



Sebahagian peserta aktiviti mendaki



Sesi bergambar di pertengahan pendakian

OIC 2017: YOUTH DOME IN STEEL (YOUDO)

Oleh: Pn. Tuan Norhayati Tuan Chik

Dua kumpulan pelajar FKAAS seramai 11 orang telah menyertai pertandingan OIC 2017 Youth Dome in Steel (YouDo) anjuran Malaysian Structural Steel Association (MSSA). Pertandingan ini jura turut disertai oleh beberapa Universiti Awam yang lain. Setiap kumpulan diselia oleh dua orang pensyarah yang terdiri daripada bidang Kejuruteraan Awam dan Arkitek. Pensyarah FKAAS yang terlibat dalam menyelia proses rekabentuk dan model mereka ialah Pn. Tuan Norhayati Tuan Chik, Dr. Norashidah Abd Rahman, En. Mohamad Hanafi Rahmat dan Dr. Dina (FPTP). Pelajar diminta menyediakan model berbentuk 'Dome', termasuk rekabentuk, model dan simulasi dalam perisian tertentu bagi analisis beban. Dua kumpulan pelajar yang diketuai oleh Mohamad Shafiq dan Pettruss berjaya menghasilkan model tersebut seperti yang telah ditetapkan oleh penganjur. Walaupun kumpulan ini tidak berjaya ke peringkat 10 kumpulan terbaik, tetapi penyertaan mereka dapat memberi pengalaman berharga dalam memodelkan serta merekabentuk 'Dome' tersebut dengan mengambil kira aspek kejuruteraan awam dan arkitek dalam model mereka. Model dan simulasi yang telah dihasilkan oleh pelajar-pelajar ini membuktikan mereka mampu memberikan hasil yang terbaik walaupun mereka tidak terdedah secara langsung dalam bidang arkitek. Pertandingan ini dapat mencungkil kebolehan pelajar FKAAS dalam mempersembahkan idea dan buah fikiran dalam menyiapkan rekabentuk tersebut.



Laporan dan model yang telah siap untuk dihantar ke pejabat MSSA



Model 'Youth Dome' yang telah dihasilkan oleh kumpulan yang diketuai oleh Mohamad Shafiq



Pasukan Shafiq bersama penyelia Pn. Tuan Norhayati dan En. Hanafi ketika pemberian sijil penyertaan daripada MSSA



Kumpulan Pettruss menerima sijil penyertaan daripada MSSA (Penyelia: Dr. Norashidah dan Dr. Dina)

KONGSI CERITA: PENCERAMAH KEPADA PENGENALAN PERISIAN STAADPRO DALAM MEREKABENTUK STRUKTUR KONKRIT

Oleh: Pn. Tuan Norhayati Tuan Chik

Pn. Tuan Norhayati Tuan Chik berkongsi pengalaman selaku ceramah jemputan berkenaan 'Pengenalan dan Penggunaan Perisian StaadPro dalam Merekabentuk Struktur Konkrit' di Politeknik Merlimau, Melaka (PMM). Ceramah tersebut telah dihadiri oleh 100 pelajar tahun akhir bagi kursus Diploma Kejuruteraan Awam dan beberapa staf Jabatan Kejuruteraan Awam. Pelajar didedahkan kepada pengetahuan asas dalam menganalisis rasuk konkrit melalui pengajaran langkah demi langkah. Percubaan menganalisis struktur yang mudah bagi memberi pengenalan baru terhadap perisian StaadPro untuk diaplikasikan setelah pelajar ini melangkah ke alam pekerjaan suatu hari nanti. Ini adalah merupakan pengalaman pertama mereka dalam menggunakan perisian StaadPro untuk menganalisis struktur konkrit. Di samping itu, penerangan dan promosi untuk menyambung pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda di UTHM turut diberikan kepada pelajar dalam sesi soal jawab bersama mereka. Sebahagian daripada pelajar menunjukkan minat mereka untuk mempelajari dengan lebih lanjut perisian ini. Mereka juga berminat untuk menyambung pengajian mereka ke UTHM sekiranya diberi peluang pada masa akan datang.



Penerangan perisian StaadPro kepada pelajar-pelajar dan staf PMM



Penyampaian cenderahati oleh pihak PMM



Kenangan bersama semua pelajar dan staf Jabatan Kejuruteraan Awam, PMM

SAYONARA : PROF. MADYA DR. A S M ABDUL AWAL

Oleh: Dr. Faisal Sheikh Khalid

Majlis perpisahan untuk Prof. Madya Dr. A.S. M. Abdul Awal yang telah diadakan setelah beliau tamat perkhidmatan di FKAAS. Majlis tersebut diadakan pada 3 Ogos 2017 di Bilik Mesyuarat 3 dihadiri ramai rakan taulan untuk bertemu beliau pada majlis tersebut. Sepanjang penglibatan beliau bersama JKSB, beliau telah banyak memberi impak yang positif terutamanya dalam penerbitan berwasit. Beliau yang berpengalaman dalam bidang kejuruteraan teknologi konkrit dan bahan telah banyak mengembangkan dan meluaskan kepakaran sepanjang beliau berkhidmat di sini.

Akhirkata, kami dari editor Diari JKSB mengucapkan ribuan terima kasih atas segala ilmu dan kepakaran yang telah beliau sampaikan. Semoga beliau terus sukses di dalam bidang penyelidikan dan pengajian kelak dimana jua beliau berada.



Prof. Madya A S M Abdul Awal merupakan mantan ketua cluster ADCoM JRC sepanjang berkhidmat di FKAAS



Penerima penghargaan selaku penyelidik berjaya (H-indeks) 2016 pada majlis anugerah apresiasi JRC




Majlis perpisahan Prof Madya Dr. A S M Awal bersama sama ahli jabatan yang hadir



TAHNAH DR. SHARIFAH SALWA MOHD ZUKI

Oleh: Dr. Sharifah Salwa Mohd Zuki

Sharifah Salwa binti Mohd Zuki telah berjaya menamatkan pengajian beliau di peringkat Doktor Falsafah (PhD) di Universiti Sains Malaysia (USM) pada September 2017. Tajuk kajian beliau adalah "Effectiveness of Repair Method using Hybrid Fiber Reinforced Polymer Fabric on Concrete-Filled Double Skin Steel Tubular Columns Exposed to Fire". Sepanjang tempoh pengajian, beliau telah berjaya menerbitkan 10 journal dan prosiding serta 2 bab dalam buku. Bidang kepakaran beliau adalah Fire Engineering, Structural Retrofitting, Composite Materials dan Fiber Reinforced Polymer. Beliau juga merupakan ahli Board of Engineering Malaysia (BEM) dan Concrete Society Malaysia (CSM).



TAHNAH WARGA JKSB

Tahniah



IR SHAMRUL-MAR BIN SHAMSUDDIN

Tahniah atas perlantikan sebagai
Pegarah,
Bahagian Pembangunan,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Tahniah



DR NORASHIDAH BINTI ABD RAHMAN

Tahniah atas penerimaan geran FRGS/2017
berjumlah RM 95,000.00

Seminar/Kursus/Program/Penerbitan/Perundingan Ahli JKSB

Tuan Norhayati Tuan Chik, Penceramah Jemputan "Pengenalan Perisian StaadPro dalam Merekabentuk Struktur Konkrit", Politeknik Merlimau Melaka, 13 Julai 2017

Tuan Norhayati Tuan Chik, Pertandingan OIC 2017 Youth Dome in Steel (YouDo) anjuran Malaysian Structural Steel Association (MSSA), MSSA, Petaling Jaya, Selangor, 1 April 2017

Faisal Sheikh Khalid (2017). Mechanical properties of concrete containing recycled concrete aggregate (RCA) and ceramic waste as coarse aggregate replacement. AIP Conference Proceedings 1891, 020079

Dr. Shahrul Niza Mokhatar, Kursus MOOC Direction, Bilik Simulasi SCL, Blok B1, UTHM, 6 Julai 2017

Dr. Shahrul Niza Mokhatar, Kursus Schoology, Bilik PTM 1, UTHM, 11 September 2017

Dr. Shahrul Niza Mokhatar, Kursus Pegawai Pengiring Majlis Konvokesyen, Bilik Latihan Seri Teratai, UTHM, 18 September 2017

Dr. Shahrul Niza Mokhatar, Content & Activity Development in OpenLearning Platform, Makmal PTM 1, UTHM, 20 September 2017

Dr. Shahrul Niza Mokhatar, Fasilitator Kem Jatidiri, Motivasi & Kepimpinan 2017 Murid-Murid SK Seri Bunut, Surau Ar-Rahman, Pt Rasipan, 29-30 September 2017

